

# Helo Hello Kampus

kampus@utusan.com.my

## Lawatan akademik ke Korea Selatan



DR. AHMAD ESA (enam dari kiri) bersama dengan pelajar UTHM yang menayakan Program Mobiliti Outbound ke Seoul, Korea Selatan, baru-baru ini.

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK  
kampus@utusan.com.my



**S**ERAMAI 20 penuntut Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini menganjurkan Program Mobiliti Outbound ke Seoul, Korea Selatan.

Menerusi penjenamaan *Korean Education Trip 2017* (KET 2017) antara objektif program ke negara itu ialah kerjasama perkongsian kajian dan penyelidikan, meningkatkan

penyelidikan baharu dalam Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) serta membina keyakinan diri berkomunikasi dengan masyarakat antarabangsa.

Penuntut UTHM meletakkan misi *Soaring Upwards* yang diperkenalkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh sebagai sumber inspirasi dan motivasi ketika mengadakan pembentangan cadangan penyelidikan di Korea

Research Institute for Vocational Education and Training (KRIVET).

Pengarah Center for Global Cooperation, KRIVET, **Dr. Hwang Gyu-hee** berkata, beliau begitu teruja terhadap kerja penyelidikan yang telah dibentangkan oleh penuntut UTHM.

Antara bidang kajian yang dibentangkan ialah TVET, Kejuruteraan Awam dan Kejuruteraan Mekanikal.

Selari dengan maksud *Soaring Upwards* iaitu peningkatan berterusan, peserta mobiliti turut menjalankan penyelidikan yang baharu bersama pelajar Universiti Kebangsaan Seoul.

Kajian itu turut melibatkan

idea-idea baharu penyelidikan ketika mengunjungi Masjid Itaewon, Seoul Namsan Tower, Namdaemun Market, Nami Island, Dongdaemun dan Gwanghamun Square.

Sebagai contoh semasa di Pulau Nami, peserta mobiliti turut menjalankan kajian kepentingan penyelidikan berkaitan teknologi hijau.

Idea penyelidikan teknologi hijau itu diilhamkan hasil daripada pemerhatian papan iklan ketika mengadakan lawatan di Namdaemun Market dan di Seoul Namsan Tower yang memaparkan elemen teknologi hijau.

Pensyarah Pengiring **Prof. Dr. Ahmad Esa** yang juga merupakan

Dekan FPTV berkata, program mobiliti ke Korea Selatan kali ini mempunyai kelainan daripada segi kajian penyelidikan dan latihan membina keyakinan dengan menggunakan bahasa Inggeris dan Korea.

Katanya, para peserta mobiliti didedahkan dengan kerja Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) khususnya di Masjid Itaewon, Seoul, Korea Selatan.

“Selain daripada membantu membersihkan ruang solat wanita, mereka turut menyumbang sebanyak RM2,500 (609,756 Won), sejadah dan telekung hasil daripada sumbangan dermawan dari Malaysia.”

“Para peserta turut

mempelajari strategi perniagaan dan ciri keusahawanan semasa melawati pasar Nandaemun dan Dongdaemun. Ketelitian peniaga kerongsang dalam memastikan kualiti produk sepanjang program mobiliti KET 2017,” katanya.

Ketua program KET 2017, **Adib Farhan** berkata, slogan *Soaring Upwards* telah berjaya ketika melaksanakan misi lawatan akademik di Korea Selatan.

“Program motivasi bercorak mobiliti ke luar negara ini perlu diperbanyak berbanding dengan program motivasi yang sekadar menguji daya tahan fizikal pelajar menerusi program-program perkhemahan atau aktiviti luar di luar kampus,” katanya.